




**Koperasi Pembangunan Pulau Lumut Klang Berhad,  
24A Jalan Batu Unjur 1  
Bayu Perdana 41200 Klang Selangor**

## **ATURAN - ATURAN TABUNG**

- 1. TABUNG KEBAJIKAN AM**
- 2. TABUNG PENDIDIKAN**
- 3. TABUNG KHAIRAT KEMATIAN**



**Koperasi Pembangunan Pulau Lumut Klang Berhad,  
24A Jalan Batu Unjur 1  
Bayu Perdana 41200 Klang Selangor**

**ATURAN  
TABUNG KEBAJIKAN AM**

**ATURAN TABUNG KEBAJIKAN AM  
KOPERASI PEMBANGUNAN PULAU LUMUT KLANG BERHAD**

1. (i) Aturan ini adalah dinamakan "**Aturan Tabung Kebajikan Am Koperasi Pembangunan Pulau Lumut Klang Berhad**" *Nama*
- (ii) Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 43.(2) (w) koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas mendapat kelulusan Mesyuarat Agung Koperasi ini dan Ketua Pendaftar
2. Di dalam aturan ini, melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang belainan maknanya maka tafsiran berikut adalah dipakai - *Tafsiran*
- "**Anggota**" maknanya anggota-anggota yang telah sah diterima menjadi anggota mengikut Undang-Undang Kecil Koperasi ini;
- "**Sumbangan**" maknanya sumbangan pemberian wang secara ikhlas kepada tabung ini atau yang dikeluarkan daripada Tabung Kebajikan Am ini mengikut aturan ini;
- "**Jawatankuasa**" maknanya Jawatankuasa Tabung Kebajikan Am yang dilantik oleh Lembaga Koperasi;
- "**Lembaga**" Maknanya Anggota Lembaga Koperasi Koperasi yang dilantik di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi ini; dan
- "**Kakitangan**" maknanya kakitangan tetap yang berkerja dengan koperasi ini.
3. Tujuan Tabung Kebajikan AM ini diwujudkan ialah untuk:- *Tujuan*
- (i) Meringankan beban sara hidup anggota atau kakitangan semasa sakit, ditimpa bencana alam atau kemalangan;
- (ii) Sumbangan hanya sekali sahaja diberikan kepada anggota atau kakitangan yang menunaikan Fardhu Haji di Mekah
- (iii) Menyumbang kepada badan-badan, pertubuhan atau sekolah yang di iktiraf oleh kerajaan bagi menjalankan aktiviti kemasyarakatan;

4. Kewangan bagi Tabung Kebajikan Am koperasi ini diperolehi dari-
- Punca kewangan*
- (i) Keputusan Mesyuarat Agung koperasi yang memutuskan supaya tidak lebih 10% dari keuntungan bersih pada tiap-tiap tahun dipindahkan kepada Tabung Kebajikan Am ini seperti mana dibolehkan oleh Undang-undang Kecil 64(2) (d) koperasi ini;
  - (ii) Sumbangan-sumbangan dari anggota-anggota mengikut keputusan Mesyuarat Agung koperasi ini;
  - (iii) Aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi bagi tujuan mengisi kewangan tabung ini atau menerima sumbangan dari pihak lain
  - (iv) Sumbangan-sumbangan lain-lain pihak.
5. (i) Tabung Kebajikan Am ini hendaklah ditadbirkan oleh Jawatankuasa Kecil Tabung Kebajikan Am yang dilantik oleh Lembaga di bawah Undang-undang kecil 43 (2) (w) koperasi ini.
- Pentadbiran tabung*
- (ii) Jumlah anggota-anggota Jawatankuasa kecil ini hendaklah tidak lebih dari Sembilan (9) orang
6. Tahun Kewangan Tabung Kebajikan Am ini hendaklah bermula pada 1 hb Januari dan berakhir pada 31 Disember, tiap-tiap tahun.
- Tahun Kewangan*
7. (i) Anggota Lembaga Koperasi boleh, apabila difikirkan sesuai, melaburkan semua atau sebahagian daripada wang Tabung Kebajikan Am ini dalam mana-mana badan atau pertubuhan atau di dalam apa-apa bentuk sekali pun tertakluk kepada syarat-syarat di dalam Akta Koperasi.
- Pelaburan*
- (ii) Apa-apa perolehan dari pelaburan ini hendaklah dimasukkan semula kedalam Tabung Kebajikan Am ini untuk digunakan bagi maksud dan tujuan-tujuan tabung atau dilabur semula bagi menambah kewangan Tabung Kebajikan Am ini.
8. (i) Anggota-anggota koperasi ini yang telah menjadi anggota selama enam bulan dengan tidak putus-putus, adalah layak untuk memohon sumbangan dari Tabung Kebajikan Am koperasi ini.
- Kelayakan memohon*
- (ii) Kakitangan tetap yang bekerja dengan koperasi ini.

- (iii) Perbelanjaan perubatan (Masuk wad) boleh memohon sehingga had maksima RM 500.00 setahun
- (iv) Anggota-anggota atau kakitangan tidaklah boleh menuntut bahawa sumbangan-sumbangan di bawah Tabung Kebajikan Am ini sebagai satu haknya.

9. (i) Semua permohonan untuk mendapatkan bantuan sumbangan dari Tabung Kebajikan Am Koperasi ini hendaklah dibuat di dalam borang yang disediakan oleh Jawatankuasa. Permohonan
- (ii) Permohonan-permohonan tersebut hendaklah dikepilkan bersama dengan kenyataan sah yang boleh menyokong akan permohonan tersebut.
- (iii) Borang-borang permohonan boleh didapati di Pejabat Koperasi atau melalui Jawatankuasa Tabung Kebaikan Am Koperasi ini.

10. (i) Sumbangan atau pembayaran adalah mengikut kadar yang berikut dalam tahun yang sama Kadar Sumbangan

**Had Maksima**

- (a) Perbelanjaan perubatan/wad bagi anggota atau kakitangan RM 500.00
  - (b) Perbelanjaan perubatan /wad bagi anggota atau kakitangan yang ditimpa kemalangan dengan kecederaan teruk RM 500.00
  - (c) Kerana anggota atau pekerja yang ditimpa bencana alam seperti dilanda banjir, ribut atau rumah terbakar dengan kerosakan teruk. Amaun sumbangan akan ditentukan oleh mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi
  - (d) Kerana anggota atau kakitangan menunaikan Fardhu Haji di Mekah RM 300.00
  - (e) Sumbangan kepada badan-badan Pertubuhan, Sekolah, Maahad Tahfiz, Masjid dan Surau yang berdaftar dan diiktiraf oleh kerajaan bagi menjalankan aktiviti kemasyarakatan RM 3000.00
- (ii) Kadar yang boleh dibayar oleh jawatankuasa kepada sesuatu permohonan itu bergantung kepada kedudukan kewangan Tabung Kebajikan Am Koperasi ini, tetapi semua pembayaran tidaklah boleh melebihi Had Maksima yang telah ditetapkan

11. (i) Borang-borang permohonan apabila diterima hendaklah, diproses oleh Jawatankuasa Tabung Kebajikan Am koperasi ini. *Memproses Permohonan*
- (ii) Jawatankuasa kecil ini hendaklah menentukan permohonan-permohonan itu dibuat mengikut kehendak dan syarat-syarat Aturan Tabung Kebajikan Am
- (iii) Perakuan-perakuan tersebut hendaklah dibuat dalam borang yang disediakan oleh Jawatankuasa Tabung Kebajikan Am koperasi ini.
- (iv) Segala keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa adalah muktamad
12. (i) Semua pembayaran hendaklah dibuat secara bayaran atas talian (perbankan Internet). *Pembayaran*
- (ii) Segala bayaran akan dibuat selepas satu minggu dari tarikh jawatankuasa mengadakan mesyuarat bagi meluluskannya atau boleh mengikut budibicara jawatan kuasa tabung ini, dibayar dengan sertamerta setelah jawatankuasa tersebut berpuashati diatas ketulinan permohonan itu.
13. (i) Jika kedudukan Tabung Kebajikan Am ini mengalami kesulitan disegi kewangan, maka jawatankuasa Tabung Kebajikan Am hendaklah mencadangkan kepada Ahli Lembaga Koperasi supaya menggantung akan aktiviti-nya sehingga kesulitan kewangan itu dapat dipulihkan semula. *Penggantungan sumbangan*
- (ii) Anggota-anggota koperasi hendaklah diberitahu melalui Surat Pekeliling mengenai penggantungan atau pemulihan semula Tabung Kebajikan Am ini terus kepada anggota-anggota atau dipamerkan di papan kenyataan koperasi ini.
14. Akaun Tabung Kebajikan Am ini hendaklah diaudit bersama-sama dengan lain-lain Akaun Koperasi setahun sekali. *Audit*
15. Ahli Lembaga Koperasi hendaklah membentangkan di dalam Mesyuarat agung koperasi, laporan-laporan mengenai aktiviti-aktiviti Tabung Kebajikan Am ini serta membuat cadangan-cadangan bagi memajukanya. *Makluman kepada Mesyuarat agung*
16. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham di atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pendaftar mengikut Undang-undang kecil 77, koperasi ini. *Pertikaian*


Pindaan Aturan ini telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung **18 Jun 2023**




(Abd Rahman bin Palil)



(Saidon bin Abas)



(Ahmad Azam bin Sulaiman)



**Koperasi Pembangunan Pulau Lumut Klang Berhad,  
24A Jalan Batu Unjur 1  
Bayu Perdana 41200 Klang Selangor**

**ATURAN  
TABUNG PENDIDIKAN**

**ATURAN TABUNG PENDIDIKAN  
KOPERASI PEMBANGUNAN PULAU LUMUT KLANG BERHAD**

1. (i) Aturan ini adalah dinamakan "Aturan Tabung Pendidikan Koperasi Pembangunan Pulau Lumut Klang Berhad" *Nama*
- (ii) Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 44 (2) (w) koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas mendapat kelulusan Mesyuarat Agung Koperasi ini dan Ketua Pendaftar
2. Di dalam aturan ini, melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang belainan maknanya maka tafsiran berikut adalah dipakai: *Tafsiran*
- "Sumbangan"** maknanya anggota-anggota yang telah sah diterima menjadi anggota mengikut Undang-Undang Kecil Koperasi ini;
- "Anak anggota"** maknanya anak-anak anggota yang sah disisi undang-undang;
- "Sumbangan"** maknanya sumbangan pemberian wang secara ikhlas kepada tabung ini atau yang dikeluarkan daripada Tabung Pendidikan ini mengikut aturan ini;
- "Jawatankuasa"** maknanya Jawatankuasa Tabung Pendidikan yang dilantik oleh Lembaga Koperasi;
- "Lembaga"** Maknanya Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi ini; dan
- "Institusi Pengajian Tinggi"** maknanya tempat belajar termasuklah Universiti, Maktab Perguruan atau Kolej Kerajaan dimana kelulusannya bertaraf Diploma atau Ijazah yang diiktiraf oleh kerajaan.
3. Tujuan Tabung Pendidikan ini diwujudkan ialah untuk:- *Tujuan*
- (i) Sumbangan kepada anggota atau anak-anak anggota dari segi pencapaian matlamat pendidikan dan peninggiannya; atau
- (ii) Mengiktiraf kecemerlangan pencapaian pendidikan di peringkat peperiksaan SPM, STPM, SMA, STAM, 15 juzuk, 30 juzuk, Diploma, Ijazah, Sarjana dan PhD untuk anggota dan anak-anak anggota


4. Kewangan bagi Tabung Pendidikan koperasi ini diperolehi dari:- *Punca kewangan*
- (i) Keputusan Mesyuarat Agung koperasi yang memutuskan supaya tidak lebih 10% dari keuntungan bersih pada tiap-tiap tahun dipindahkan kepada Tabung Pendidikan ini seperti mana yang dibolehkan oleh Undang-Undang Kecil 64(2) (d) koperasi ini;
  - (ii) Sumbangan-sumbangan dari anggota-anggota mengikut keputusan Mesyuarat Agung ini;
  - (iii) Aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi bagi tujuan mengisi kewangan tabung ini; atau
  - (iv) Sumbangan-sumbangan lain-lain pihak.
5. (i) Tabung Pendidikan ini hendaklah ditadbirkan oleh Jawatankuasa Kecil Tabung Pendidikan yang dilantik oleh Lembaga di bawah Undang-undang kecil 44 (2) (w) koperasi ini. *Pentadbiran tabung*
- (ii) Jumlah anggota-anggota Jawatankuasa kecil ini hendaklah tidak lebih dari Sembilan (9) orang
6. Tahun Kewangan Tabung Pendidikan ini hendaklah bermula pada **1hb Januari dan berakhir pada 31 Disember**, tiap-tiap tahun. *Tahun Kewangan*
7. (i) Ahli Lembaga Koperasi boleh, apabila difikirkan sesuai, melaburkan semua atau sebahagian daripada wang Tabung Pendidikan ini dalam mana-mana badan atau pertubuhan atau di dalam apa-apa bentuk sekalipun tertakluk kepada syarat-syarat di dalam Akta koperasi. *Pelaburan*
- (ii) Apa-apa perolehan dari pelaburan ini hendaklah dimasukkan semula ke dalam Tabung Pendidikan untuk digunakan bagi maksud dan tujuan-tujuan tabung atau dilabur semula bagi menambah kewangan Tabung Pendidikan ini.
8. (i) Anggota-anggota koperasi ini yang telah menjadi anggota selama enam bulan dengan tidak putus-putus, adalah layak untuk memohon derma dari Tabung Pendidikan koperasi ini. *Kelayakan memohon*
- (ii) Permohonan bagi Hadiah Kecemerlangan Pendidikan dan Anugerah Koperasi anggota dan anak-anak anggota hendaklah memenuhi syarat-syarat minima yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tabung.

- (iii) Hanya satu permohonan sahaja yang layak untuk suatu permohonan yang mempunyai tujuan yang sama.
- (iv) Anggota-anggota tidaklah boleh menuntut bahawa sumbangan di bawah Tabung Pendidikan ini sebagai satu haknya.
9. (i) Semua permohonan untuk mendapatkan bantuan sumbangan dari Tabung Pendidikan Koperasi ini hendaklah dibuat di dalam borang yang disediakan oleh Jawatankuasa. Permohonan
- (ii) Permohonan-permohonan tersebut hendaklah dikepilkan bersama dengan kenyataan yang sah boleh menyokong akan permohonan tersebut.
- (iii) Borang-borang permohonan boleh didapati di pejabat koperasi atau melalui Jawatankuasa Tabung Pendidikan Koperasi ini.
10. (i) Sumbangan atau pembayaran adalah mengikut kadar-kadar yang berikut - Kadar Sumbangan
- |     |  | <b>Had Maksima</b> |
|-----|--|--------------------|
| (a) | Kerana anggota melanjutkan pelajaran di Istitusi Pengajian Tinggi;     |                    |
|     | i) Peringkat Diploma   | RM 800.00          |
|     | ii) Peringkat Ijazah   | RM 900.00          |
|     | iii) Peringkat Sarjana   | RM 1100.00         |
|     | iv) PhD  | RM 1200.00         |
| (b) | Kerana anak anggota melanjutkan pelajaran Di Institut Pengajian Tinggi |                    |
|     | i) Peringkat Diploma   | RM 700.00          |
|     | ii) Peringkat Ijazah   | RM 800.00          |
|     | iii) Peringkat Sarjana   | RM 1000.00         |
|     | iv) PhD  | RM 1100.00         |
| (c) | Hadiah kecemerlangan Pendidikan anak anggota atau anak kakitangan;     |                    |
|     | i) Peringkat peperiksaan UPKK (8A)                                     | RM 150.00          |
|     | ii) Peringkat peperiksaan SMA  | RM 200.00          |
|     | iii) Peringkat peperiksaan SPM   | RM 250.00          |
|     | iv) Peringkat Peperiksaan STPM/STAM                                    | RM 300.00          |
|     | v) Peringkat Hafazan Al-Quran 15 Juzuk                                 | RM 500.00          |

- |      |       |  |                                |
|------|-------|--|--------------------------------|
|      | vi)   | Peringkat Hafazan Al-Quran 30 Juzuk  | RM 1000.00                     |
| (d)  |       | Anugerah koperasi untuk anak-anak anggota yang tercemerlang  |                                |
|      | i)    | Peringkat peperiksaan SPM  | RM 700.00                      |
|      | ii)   | Peringkat peperiksaan STPM/STAM  | RM 800.00                      |
| (ii) |       | Kadar yang boleh dibayar oleh jawatankuasa kepada sesuatu permohonan itu bergantunglah kepada kedudukan kewangan Tabung Pendidikan Koperasi ini, tetapi semua pembayaran tidaklah boleh melebihi Had Maksima yang telah ditetapkan.  |                                |
| 11.  | (i)   | Borang-borang permohonan apabila diterima hendaklah, diproses oleh Jawatankuasa Tabung Pendidikan koperasi ini.  | <i>Memproses permohonan</i>    |
|      | (ii)  | Jawatankuasa kecil ini hendaklah menentukan permohonan-permohonan itu dibuat mengikut kehendak dan syarat-syarat Aturan Tabung Pendidikan koperasi ini.  |                                |
|      | (iii) | Perakuan-perakuan tersebut hendaklah dibuat dalam borang yang disediakan oleh Jawatankuasa Tabung Pendidikan Koperasi ini.   |                                |
|      | (iv)  | Segala keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa adalah muktamad   |                                |
| 12.  | (i)   | Semua pembayaran hendaklah dibuat dengan secara atas talian (Perbankan internet)   | <i>Pembayaran</i>              |
|      | (ii)  | Bayaran-bayaran hanyalah akan dibuat selepas satu minggu dari tarikh jawatankuasa mengadakan mesyuarat bagi meluluskannya atau boleh mengikut budibicara jawatankuasa tabung ini, dibayar dengan sertamerta setelah jawatankuasa tersebut berpuas hati atas ketulian permohonan itu. |                                |
| 13.  | (i)   | Jika kedudukan Tabung Pendidikan mengalami kesulitan disegi kewangan, maka jawatankuasa Tabung Pendidikan hendaklah mencadangkan kepada Lembaga Pengarah supaya menggantung akan aktivitinya sehingga kesulitan kewangan itu dapat dipulihkan semula.                                | <i>Penggantungan sumbangan</i> |
|      | (ii)  | Anggota-anggota koperasi hendaklah diberitahu melalui Surat Pekeliling mengenai penggantungan atau pemulihan semula Tabung Pendidikan ini terus kepada anggota-anggota atau dipamerkan di papan kenyataan koperasi ini.  |                                |

14. Akaun Tabung Pendidikan ini hendaklah diaudit bersekali dengan lain-lain Akaun Koperasi setahun sekali. *Audit*
15. Anggota Lembaga Koperasi hendaklah membentangkan di dalam Mesyuarat Agung koperasi, laporan-laporan mengenai aktiviti-aktiviti Tabung Pendidikan ini serta membuat cadangan-cadangan bagi memajukannya. *Makluman kepada Mesyuarat Agung*
16. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham di atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pendaftar mengikut Undang-undang kecil 79, koperasi ini *Pentadbiran tabung*


Pindaan Aturan ini telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung pada **18 Jun 2023**




(Abd Rahman bin Palil)  
Pengerusi



(Saidon bin Abas)  
Setiausaha



(Ahmad Azam bin Sulaiman)  
Bendahari



**Koperasi Pembangunan Pulau Lumut Klang Berhad,  
24A Jalan Batu Unjur 1  
Bayu Perdana 41200 Klang Selangor**

**ATURAN  
TABUNG KHAIRAT KEMATIAN**

**ATURAN TABUNG KHAIRAT KEMATIAN  
KOPERASI PEMBANGUNAN PULAU LUMUT KLANG BERHAD**

1. (i) Aturan ini adalah dinamakan "Aturan Tabung Khairat Kematian Koperasi Pembangunan Pulau Lumut Klang Berhad" *Nama*
- (ii) Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 44 (2) (w) koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas mendapat kelulusan Mesyuarat Agung Koperasi ini dan Ketua Pendaftar
2. Di dalam aturan ini, melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang belainan maknanya maka tafsiran berikut adalah dipakai: *Tafsiran*
- "Anggota"** maknanya anggota-anggota yang telah sah diterima menjadi anggota mengikut Undang-Undang Kecil Koperasi ini;
- "Keluarga Anggota"** maknanya termasuklah suami, isteri dan anak-anak anggota yang umur masih dibawah tanggungan had 21 tahun yang sah disisi undang-undang;
- "Kakitangan"** maknanya kakitangan tetap yang bekerja dengan koperasi ini;
- "Keluarga kakitangan"** maknanya termasuklah suami, isteri dan anak-anak kakitangan yang masih dibawah tanggungan had umur 21 tahun yang sah disisi undang-undang;
- "Sumbangan"** maknanya Sumbangan wang secara ikhlas kepada tabung ini atau yang dikeluarkan daripada Tabung Khairat Kematian ini mengikut aturan ini;
- "Jawatankuasa"** maknanya Jawatankuasa Tabung Khairat Kematian yang dilantik oleh Lembaga Koperasi; dan
- "Lembaga"** Maknanya Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi ini.
3. Tujuan Tabung Khairat Kematian ini diwujudkan ialah untuk:- *Tujuan*
- (i) Membantu perbelanjaan menguruskan kematian anggota atau keluarga anggota.
- (ii) Membantu perbelanjaan mengurus kematian kakitangan atau keluarga kakitangan.

4. Kewangan bagi Tabung Khairat Kematian koperasi ini diperolehi dari:- *Punca kewangan*
- (i) Keputusan Mesyuarat Agung koperasi yang memutuskan supaya tidak lebih 10% dari keuntungan bersih pada tiap-tiap tahun dipindahkan kepada Tabung Khairat Kematian ini seperti mana dibolehkan oleh Undang-undang Kecil 64(2) (d) koperasi ini;
  - (ii) Sumbangan-sumbangan dari anggota-anggota mengikut keputusan Mesyuarat Agung ini;
  - (iii) Aktiviti yang dianjurkan oleh koperasi bagi tujuan mengisi kewangan tabung ini; atau
  - (iv) Sumbangan-sumbangan lain-lain pihak.
5. (i) Tabung Khairat Kematian ini hendaklah ditadbirkan oleh Jawatankuasa Kecil Tabung Khairat Kematian yang dilantik oleh Lembaga di bawah Undang-undang kecil 44 (2) (V) koperasi ini. *Pentadbiran tabung*
- (ii) Jumlah anggota Jawatan kuasa kecil ini hendaklah tidak lebih dari Sembilan (9) orang
6. Tahun Kewangan Tabung Khairat Kematian ini hendaklah bermula pada **1hb Januari dan berakhir pada 31 Disember, tiap-tiap tahun.** *Tahun Kewangan*
7. (i) Anggota Lembaga Koperasi boleh, apabila difikirkan sesuai, melaburkan semua atau sebahagian daripada wang Tabung Khairat Kematian ini dalam mana-mana badan atau pertubuhan atau di dalam apa-apa bentuk sekalipun tertakluk kepada syarat-syarat di dalam Akta koperasi. *Pelaburan*
- (ii) Apa-apa perolehan dari pelaburan ini hendaklah dimasukkan semula ke dalam Tabung Khairat Kematian ini untuk digunakan bagi maksud dan tujuan-tujuan tabung atau dilabur semula bagi menambah kewangan Tabung Khairat Kematian ini.
8. (i) Anggota koperasi ini yang telah menjadi anggota selama enam Kelayakan bulan dengan tidak putus-putus, adalah layak untuk memohon memohon sumbangan dari Tabung Khairat Kematian koperasi ini.
- (ii) Kakitangan tetap yang bekerja dengan koperasi ini.
- (iii) Hanya satu permohonan sahaja yang layak untuk suatu permohonan yang mempunyai tujuan yang sama.

- (iv) Anggota-anggota atau kakitangan tidaklah boleh menuntut bahawa sumbangan di bawah Tabung Khairat Kematian ini sebagai satu haknya.
9. (i) Semua permohonan untuk mendapatkan bantuan sumbangan dari Tabung Khairat Kematian Koperasi ini hendaklah dibuat di dalam borang yang disediakan oleh Jawatankuasa. *Permohonan*
- (ii) Permohonan-permohonan tersebut hendaklah dikepilkan bersama salinan Surat Pendaftaran Kematian yang berkenaan.
- (iii) Borang-borang permohonan boleh didapati di pejabat koperasi atau melalui Jawatankuasa Tabung Khairat Kematian Koperasi ini dan secara online

10. (i) Sumbangan atau pembayaran adalah mengikut kadar-kadar yang berikut: Kadar sumbangan

**Had Maksima**


- |   |             |
|---|-------------|
| (a) Kerana kematian anggota atau kakitangan                   | RM 1,000.00 |
| (b) Kerana kematian keluarga anggota atau keluarga kakitangan | RM 500.00   |

- (ii) Kadar yang boleh dibayar oleh jawatan kuasa kepada sesuatu permohonan itu bergantunglah kepada kedudukan kewangan Tabung Khairat Kematian Koperasi ini, tetapi semua pembayaran tidaklah boleh melebihi Had Maksima yang telah ditetapkan

11. (i) Borang permohonan apabila diterima hendaklah, diproses oleh Jawatankuasa Tabung Khairat Kematian koperasi ini. *Memproses Permohonan*
- (ii) Jawatan Kuasa kecil ini hendaklah menentukan permohonan-permohonan itu dibuat mengikut kehendak dan syarat-syarat Aturan Tabung Khairat Kematian ini.
- (iii) Perakuan-perakuan tersebut hendaklah dibuat dalam borang yang disediakan oleh Jawatan kuasa Tabung Khairat Kematian koperasi ini.
- (iv) Segala keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa adalah muktamad
- (v) Borang permohonan hendaklah dikembalikan kepada Jawatankuasa Atau ke pejabat koperasi dalam tempoh tidak melebihi satu tahun dari tarikh kematian

12. (i) Semua pembayaran hendaklah dibuat secara atas talian (Perbankan *Pembayaran Internet*)
- (ii) Bayaran-bayaran hanyalah dibuat selepas satu minggu dari tarikh jawatankuasa mengadakan mesyuarat bagi meluluskannya atau boleh mengikut budi bicara jawatan kuasa tabung ini, dibayar dengan sertamerta setelah Jawatan kuasa tersebut berpuashati atas ketulian permohonan itu. Bayaran akan dilaksanakan Seminggu (7 hari) selepas permohonan diterima (setelah disemak oleh pengurus dan pengerusi jawatankuasa)
13. (i) Jika kedudukan Tabung Khairat Kematian ini mengalami kesulitan dari segi kewangan, maka jawatankuasa Tabung Khairat Kematian hendaklah mencadangkan kepada Lembaga Pengarah supaya menggantungakan aktiviti-nya sehingga kesulitan kewangan itu dapat dipulihkan semula. *Pengantungan Sumbangan*
- (ii) Anggota-anggota koperasi hendaklah diberitahu melalui Surat Pekeliling mengenai penggantungan atau pemulihan semula Tabung Khairat Kematian ini terus kepada anggota-anggota atau dipamerkan di papan kenyataan koperasi ini.
14. Akaun Tabung Khairat Kematian ini hendaklah diaudit bersama-sama dengan lain-lain Akaun Koperasi setahun sekali. *Audit*
15. Lembaga hendaklah membentangkan di dalam Mesyuarat agung koperasi, laporan-laporan mengenai aktiviti-aktiviti Tabung Khairat kematian ini serta membuat cadangan-cadangan bagi memajukannya. *Maklumat Kepada Mesyuarat Agung*
16. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham di atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pendaftar mengikut Undang-undang kecil 79, koperasi ini *Pertikaian*


Pindaan Aturan ini telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung pada **18 Jun 2023**



(Abd Rahman bin Palli)  
Pengerusi



(Saidon bin Abas)  
Setiausaha



(Ahmad Azam bin Sulaiman)  
Bendahari